

14 MAR 2002

SEPA GEMBIRA CADANGAN PROJEK KILANG PULPA KALABAKAN DIPINDAHKAN

KOTA KINABALU, 14 Mac (Bernama) -- Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (SEPA) menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa cadangan projek usahasama pulpa dan kertas berharga RM4.56 bilion di Kalabakan, Tawau mungkin dipindahkan ke negeri lain.

Setiausaha Agung SEPA SM Muthu berkata pihaknya berharap keputusan untuk menarik diri daripada projek usahasama itu dapat dicapai dan tindakan segera diambil untuk menghentikan semua aktiviti yang telah dijalankan di kawasan itu.

"Pelbagai langkah juga perlu diambil untuk memulihkan kawasan yang telah dibersihkan atau musnah akibat penebangan pokok yang tidak betul," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sepa berkata demikian sebagai mengulas laporan media tempatan yang memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa projek itu mungkin dipindahkan ke negeri lain kerana Beijing tidak bersetuju dengan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kerajaan pusat perlu menghormati pendirian Sabah yang tidak berganjak daripada syarat itu kerana ia telah diberikan amanah untuk melindungi kepentingan Sabah dan rakyatnya.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata demikian dalam satu temubual khas dengan editor dan wartawan kanan dari tujuh akhbar Cina di Putrajaya baru-baru ini.

Pada Ogos 1996, Sabah menandatangani beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan Fuxing Pulp and Paper Industries Ltd dari China bagi projek itu.

-- BERNAMA
HAK RHM

14 MAR 2002

Mahathir-Cina

KERAJAAN TIDAK PERNAH BERHASRAT TUTUP SEKOLAH CINA -- MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kerajaan tidak pernah berhasrat untuk menutup sekolah Cina di negara ini, malah tindakan itu sememangnya tidak dibenarkan oleh undang-undang negara.

Beliau berkata kebimbangan sesetengah pihak di kalangan masyarakat Cina kononnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) akan dihapuskan secara perlahan-lahan adalah tidak berasas sama-sekali.

"Memang matlamat kerajaan adalah untuk mengadakan satu sistem sekolah kebangsaan di mana semua penuntut boleh belajar, tetapi kita juga akui bahawa lain-lain kaum juga boleh adakan sekolah sendiri," katanya pada satu pertemuan dengan para editor akhbar berbahasa Cina termasuk dari Sabah dan Sarawak di pejabatnya Isnin lepas.

Beliau menyatakan demikian sebagai menjawab beberapa pertanyaan tentang kebimbangan sesetengah pihak sekiranya sekolah-sekolah Cina di negara ini akan dihapuskan secara perlahan-lahan.

"Sudah tentu sokongan kerajaan kepada sekolah satu kaum tidak sama dengan sekolah kebangsaan, tapi kita tetap beri bantuan. Pada masa lampau juga kita beri bantuan kepada sekolah Cina, termasuk sekolah Cina yang baru sekalipun," katanya.

Dr Mahathir berkata semua bantuan itu membuktikan bahawa kerajaan tidak mempunyai niat untuk menutup sekolah Cina.

"Kita berpendapat kalau anak-anak Cina tidak mahu dihantar ke sekolah kebangsaan, setidak-tidaknya adakan satu kawasan supaya mereka dapat bergaul antara satu kaum dengan kaum yang lain," katanya.

Bagi mencapai hasrat itu, Dr Mahathir berkata kerajaan mencadangkan penubuhan sekolah wawasan yang membolehkan tiga sekolah berlainan aliran dikumpul dalam satu kawasan dan ditadbir secara berasingan dalam satu kampus.

Katanya bagi sekolah-sekolah Cina yang padat dengan pelajar pula, kerajaan berusaha membantu untuk memindahkan sekolah berkenaan ke kawasan yang lebih selesa dengan persetujuan ibu bapa dan guru.

"Tapi bila kita buat begitu, pasti ada kumpulan minoriti yang membantah dan ada pula ahli politik yang akan gunakan peluang ini untuk kepentingan diri. Kalau gesaan kumpulan minoriti ini kita ikut, kita tidak akan ke mana," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah kini merupakan kerajaan yang prihatin dan mengambil kira kepentingan semua kaum memandangkan ia dipilih oleh semua kaum.

Pelbagai tindakan telah dilaksanakan yang menunjukkan keikhlasannya dalam soal pentadbiran, katanya.

Beliau berkata media massa juga boleh memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat berhubung keikhlasan kerajaan itu kepada semua penduduk berbilang kaum di negara ini.

-- BERNAMA

AZH HS NMO